

30 SEP 2001

Brunei-Lawatan/I

SULTAN BRUNEI LAWAT M'SIA ESOK

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Sultan Brunei, Sultan Haji Hassanah Bolkiah akan melakukan lawatan dua hari ke Malaysia mulai esok bagi mengadakan rundingan tahunan kelima dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut kenyataan Wisma Putra, perbincangan empat mata kedua-dua pemimpin itu mencerminkan perhubungan peribadi mereka yang rapat.

Pada mesyuarat itu, perkara berkaitan hubungan dua hala, isu serantau dan program pembangunan dalam arena global dijangka dibincangkan, kata kenyataan itu.

Perdagangan Malaysia dengan Brunei berjumlah RM979.4 juta tahun lepas dengan eksport ke Brunei bernilai RM965 juta manakala import pula sebanyak RM14 juta.

Sepanjang Januari-Jun lepas, jumlah perdagangan bernilai RM656.6 juta. Jumlah pelaburan Brunei di Malaysia tahun lepas, berjumlah RM48 juta tahun.

Pada lawatan itu, Sultan Hassanah Bolkiah akan didiringi Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Pengiran Isteri Hajah Mariam dan satu delegasi yang membabitkan keluarga diraja, penasihat khas kepada Sultan, Pehin Haji Awang Isa, Menteri Pendidikan Pehin Haji Abdul Aziz dan pegawai kanan Kementerian Luar.

Sultan Hassanah Bolkiah juga akan dianugerahi Ijazah Kehormat Sains Politik oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada hari kedua lawatan baginda.

"Malaysia yakin lawatan itu akan mengorak langkah ke arah hubungan yang lebih rapat antara pemimpin dan pegawai di kedua-dua negara yang sememangnya sudah rapat dan bermakna," kata kenyataan itu.

-- BERNAMA

AFY AFY LAT